



LEMBAGA GETAH MALAYSIA
Ibu pejabat: Tingkat 18 Bangunan Getah Asli (Menara)
148, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Emel: general@lgm.gov.my Laman Web: www.lgm.gov.my
Unit Komunikasi Korporat | Lembaga Getah Malaysia
Telefon: 03- 9206 2098 | 019-6655 713 Faks: 03-9206 2099
E-Mail: kulwant@lgm.gov.my, nuratikah@lgm.gov.my

KENYATAAN MEDIA KHAS MENGENAI ISU SEMASA MENOREH KETIKA MUSIM TENGGUJUH

Penorehan getah boleh diteruskan ketika musim tengkujuh melalui aktiviti torehan lewat, torehan ganti dan aplikasi alat pelindung hujan

1. Lembaga Getah Malaysia (LGM) ingin memaklumkan mengenai kaedah serta teknologi sedia ada yang dibangunkan oleh LGM untuk membantu meningkatkan bilangan hari menoreh dan produktiviti.
2. Memang tidak dinafikan musim tengkujuh menyebabkan pekebun kecil sukar untuk keluar menoreh. Namun terbukti bahawa disebabkan taburan hujan yang berbeza mengikut kawasan, aktiviti menoreh masih dapat diteruskan melalui aktiviti torehan lewat (iaitu torehan yang dilakukan di luar masa kebiasaan torehan disebabkan oleh hujan pada awal pagi), Torehan ini boleh dilaksanakan apabila hujan telah berhenti dan panel torehan telah kering.
3. LGM juga telah membangunkan teknologi alat pelindung hujan sejak tahun 1985 yang boleh digunakan bagi mengelak panel torehan menjadi basah khususnya sewaktu hujan gerimis. Apabila hujan gerimis

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Lembaga Getah Malaysia

Telefon: 03- 9206 2098 | 019-6655 713 Faks: 03-9206 2099

E-Mail: kulwant@lgm.gov.my, nuratikah@lgm.gov.my, nadhryrah@lgm.gov.my

Laman Web : www.lgm.gov.my |



Laman Rasmi Lembaga Getah Malaysia



@lgm_mrb

telah berhenti dan panel torehan kering, aktiviti menoreh boleh dijalankan seperti biasa. **Dengan menggunakan alat pelindung hujan, adalah dianggarkan purata bilangan hari menoreh boleh meningkat sebanyak tambahan tiga (3) hari sebulan (55% setahun) seperti dibuktikan melalui penggunaan** teknologi ini secara meluas di ladang-ladang swasta di seluruh negara termasuk di ladang LGM di Sungai Sari, Kedah dan Kota Tinggi di Johor. Selain itu, alat pelindung hujan juga dibangunkan oleh pihak swasta untuk tujuan komersil dan berjaya digunakan secara meluas seperti di estet.

4. Pihak LGM sentiasa menggalakkan para penggiat industri getah untuk mengaplikasikan teknologi alat pelindung hujan yang dapat meningkatkan bilangan hari menoreh dan produktiviti ketika musim hujan.

5. Berdasarkan statistik pengeluaran getah negara pada tempoh 2015-2017 khususnya bagi suku tahun keempat (bulan Oktober hingga Disember) menunjukkan pengeluaran getah masih kekal pada tahap yang signifikan dan tiada penurunan yang ketara berbanding suku tahun sebelumnya. Ini adalah kerana meskipun bilangan hari menoreh mungkin berkurangan berbanding dengan suku tahun sebelum, namun setiap torehan yang dilakukan pada musim ini adalah jauh lebih tinggi berbanding bulan-bulan sebelumnya memandangkan pokok-pokok getah sedang berada di fasa di mana produktivitinya adalah tinggi dalam sesuatu tahun. Purata pengeluaran bagi suku tahun keempat bagi tempoh tersebut adalah 27% berbanding 18% bagi suku tahun kedua dan 24% bagi suku tahun ketiga.

6. Kerajaan telah mengumumkan peningkatan paras harga pengaktifan (PHP) getah sekerap daripada RM 2.20 sekilogram kepada RM 2.50 sekilogram. Dengan peningkatan ini, majoriti pekebun kecil yang memiliki tanah seluas dua hektar akan mendapat pendapatan tambahan sebanyak RM144 sebulan atau RM1,728 setahun. Tambahan pendapatan ini lebih tinggi berbanding Bantuan Musim Tengkujuh sebanyak RM600 yang dibayar untuk tempoh tiga bulan. Peningkatan PHP lebih baik berbanding dengan bayaran BMT kerana IPG akan menggalakkan pekebun kecil untuk terus menoreh di samping mengekalkan pengeluaran getah asli negara. Selain daripada itu, IPG diberikan hanya kepada pekebun kecil dan penoreh getah yang benar-benar bergantung hidup kepada kebun getah sebagai sumber pendapatan utama mereka.



Matlumat tambahan

Alat Pelindung Hujan Untuk Panel Dan Alur Torehan

Alat pelindung hujan ialah sebarang peralatan berbentuk “awning” yang boleh digunakan dan mampu memberikan perlindungan terhadap alur torehan dari basah akibat lelehan air hujan yang turun ke batang pokok. Penggunaan alat ini dapat membantu meningkatkan hari menoreh dengan cara mengelakkan panel torehan menjadi basah akibat hujan gerimis. Penggunaan alat ini digabungkan dengan torehan lewat dan torehan ganti.

Torehan lewat ialah torehan yang dilakukan di luar masa kebiasaan torehan disebabkan oleh hujan pada awal pagi. Contohnya, masa torehan biasa bermula dari jam 5 atau 6 pagi dan selesai pada jam 10 pagi. Walau bagaimanapun di sebabkan hujan di awal pagi, torehan lewat dilakukan pada tengahari.

Manakala torehan ganti merujuk kepada hari torehan yang diubah pada hari berikutnya disebabkan hujan lebat yang turun pada hari menoreh. Peningkatan hari menoreh seterusnya dapat meningkatkan produktiviti kawasan di mana hari menoreh yang banyak mampu meningkatkan hasil torehan per unit kawasan.



Keberkesanan Penggunaan Alat Pelindung Hujan Terhadap Produktiviti Pengeluaran Getah

Penyelidikan pembangunan alat pelindung hujan untuk panel dan alur pokok getah telah lama dijalankan di LGM. Set alat pelindung hujan yang lengkap bersama bahan perekatnya yang telah diperkenalkan oleh LGM ialah RRIMGUD. Manakala versi yang telah ditambah baik dan berjaya di komersilkan dikenali sebagai Raingutter (Plat 1).

Penyelidikan menggunakan alat pelindung hujan raingutter menunjukkan yang hari menoreh dapat ditingkatkan, terutama sekali dengan torehan selang sehari (d2) yang dapat memberikan lebih peluang bagi melakukan kerja-kerja menoreh. **Di sini dapat disimpulkan tambahan hari menoreh dengan penggunaan alat pelindung hujan mampu meningkatkan hasil seunit kawasan dalam setahun.**

Hujan lebat pada waktu malam dan pada waktu pagi boleh menyebabkan panel torehan menjadi basah dan seterusnya menyebabkan air hujan menitis melalui sudu dan ke dalam cawan. Sekiranya titisan air hujan ini masih berterusan sehingga pada waktu penorehan biasa di jalankan, torehan lewat boleh praktiskan. Walau bagaimanapun hasil daripada torehan lewat adalah rendah berbanding torehan biasa pada waktu awal pagi. Perbandingan terhadap keberkesanan alat pelindung hujan dan praktis torehan lewat sudah dilaksanakan.

Persepsi mengenai torehan di musim hujan boleh diperbaiki dan teknologi dan kaedah sedia ada dapat membantu meneruskan aktiviti menoreh. Anggapan yang penorehan hanya boleh dilakukan pada awal pagi harus diperbetulkan kerana penorehan boleh di lakukan pada bila-bila masa dengan mengambil maklum yang hasilnya adalah berbeza-beza berdasarkan pada waktu tekanan turgor yang tinggi iaitu pada waktu pagi dan akan berkurang menjelang tengah hari atau waktu petang.





Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Lembaga Getah Malaysia

Telefon: 03- 9206 2098 | 019-6655 713 Faks: 03-9206 2099

E-Mail: kulwant@lgm.gov.my, nuratikah@lgm.gov.my, nadhyrah@lgm.gov.my

Laman Web : www.lgm.gov.my |



Laman Rasmi Lembaga Getah Malaysia



@lgm_mrb